

20 JUN 2001

KERAJAAN DIMINTA SEDIAKAN DANA IKS RM1 BILION

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Badan Bertindak Melayu (BBM) meminta kerajaan menyediakan pinjaman mudah berjumlah RM1 bilion setiap tahun kepada para peniaga kecil dan sederhana (IKS) Melayu.

Ketua Penyelaras Jawatankuasa Petugas Khas Memorandum Kepentingan Melayu BBM Datuk Ibrahim Ali berkata pinjaman ini dapat membantu syarikat perniagaan orang Melayu yang kekurangan modal.

"Walaupun sebelum ini ada pelbagai dana tetapi jumlah keperluan dan kos modal sentiasa menjadikannya tidak mencukupi," katanya kepada pemberita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Katanya kekurangan orang Melayu menceburkan diri dalam bidang perniagaan kerana ketiadaan modal merupakan masalah besar bagi kerajaan untuk mewujudkan kumpulan kelas menengah Melayu.

Peruntukan pinjaman mudah itu merupakan satu perkara yang terkandung dalam Memorandum Kepentingan Melayu yang telah diserahkan oleh Ibrahim kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri Putrajaya semalam.

Memorandum itu turut menyentuh mengenai sumber manusia, pendidikan dan ekonomi.

-- BERNAMA
MHI AZZ LAT